

SEJARAH PERKEMBANGAN SYARIKAT  
KERJASAMA KREDIT LUAR BANDAR  
DI MELAKA 1925 - 1955

Oleh :  
Abd.Razak bin Abd.Rahman

Penyelia :  
Dr.Paul H. Kratoska

Latihan ilmiah untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat-syarat  
ijazah Sarjana Muda Sastera dengan  
kepujian dalam bidang Sejarah

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
1981/82

## KANDUNGAN

	Halaman
Senarai Kependekan	iv
Penghargaan	v
Pendahuluan	vi - xi
Bab I	
	Jatarbelakang Ekonomi
	Sosial dan Politik
	Orang-Orang Melayu
	Melaka Sebelum Perang
	Dunia Kedua.
	1 - 18
Bab II	
	Dasar Inggeris dan
	Kegiatan Memperkembangkan
	Syarikat Kerjasama
	Di Melaka.
	19 - 39
Bab III	
	Sejarah Perkembangan
	Syarikat Kerjasama
	Kredit Luar Bandar
	Di Melaka 1925-55.
	40 - 80
Bab IV	
	Kesan Syarikat
	Kerjasama Terhadap
	Orang-Orang Melayu.
	81 - 90
Kesimpulan.	91 - 95
Penerangan Mengenai	
Sumber Penyelidikan.	96 - 97
Lampiran I	
	Senarai Nama-Nama
	dan alamat Syarikat
	Kendalian Lembaga
	Pertubuhan Peladang,
	Melaka.
	109 - 111

		Halaman
Lampiran II	Loan Scheme for Padi Planters.	112- 114
Lampiran III	Peraturan Syarikat Bekerjasama-sama bagi Memperelok Kehidupan dengan Tanggungan tidak Berhad.	115-124
Lampiran IV	Tambahan Peraturan Syarikat Kampong Bekerjasama-sama Dengan Tanggungan Tidak Berhad.	125-148

SENARAI KEPENDEKAN

ANM	- Arkib Negara Malaysia.
ARCCD	- Annual Report of the Commissioner for Cooperative development.
ARCM	- Annual Report Cooperative Malacca.
ARDO	- Annual Report District Office.
ARDC	- Annual Report Director of Cooperation.
ARWCS	- Annual Report on the working of Cooperative Societies.
Coop.	- Cooperative.
DID	- Drainage and Irrigation.
FMS	- Federated Malay States. !
JMBRAS	- Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
LPP	- Lembaga Pertubuhan Peladang.
SKKLB	- Syarikat Kerjasama Kredit Luar Bandar.
SKB	- Syarikat Kehidupan Baik.
SS	- Starits Settlements.

PENGHARGAAN

BISMILLAH IR RAHMANIRRAHIM:

Bersyukur pada Allah S.W.T kerana dengan izin-nya dapat penulis menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada penyelia penulis iaitu Dr.Paul,H.Kratoska yang telah memberi nasihat dan bimbingan kepada penulis. Dan tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia (Petaling Jaya),Arkib Negara Johor,Jabatan Kemajuan Kerjasama Kuala Lumpur dan Melaka,Lembaga Pertubuhan Peladang Melaka,Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali penulis merakamkan rasa penghargaan kepada semua responden-responden dan orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama.

Abd.Razak bin Abd.Rahman,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
15hb.Februari,1982.

PENDAHULUAN

Objektif kajian ini ialah untuk menggalurkan perkembangan Syarikat Kerjasama Kredit Luar Bandar (SKKLB) di Melaka dan mengesan faktor yang menghalang perkembangannya sebelum perang dunia kedua. Selepas perang dunia kedua terdapat perkembangan yang menggalakkan dan beberapa faktor yang memungkinkan perkembangannya juga diketengahkan. Juga untuk mengesan masalah-masalah dan kesan arus perubahan yang dihadapi oleh orang-orang Melayu di Melaka menjelang abad kedua puluh. Untuk mengesan asas-asas rasional di sebalik pengenalan SKKLB. Objektif terakhir ialah untuk memberi nilai akan kesan pergerakan kerjasama terhadap orang-orang Melayu.

Usaha untuk memperkenalkan Syarikat Kerjasama datangnya dari pegawai Inggeris sebagai satu dasar kerajaan untuk mengatasi masalah beban hutang. Mengikut Dr. Paul H. Kratoska, sebab-sebab mengapa kerajaan bertindak untuk mengatasi masalah beban hutang adalah kompleks:

involving career consideration of local officials, concern that importing the major part of the basic food supply left Malaya dangerously vulnerable, a fear of possible disruption to the social order if rural Malays were deprived of their

land and livelihood, and the duty toward Malays that provided the underlying rationale for the British presence in the peninsula.<sup>1</sup>

Reaksi pertama kerajaan pada waktu itu ialah untuk mengwujudkan satu alternatif kredit kepada penduduk kampung. Dalam tahun 1908 peruntukan kewangan telah disediakan untuk memberi kemudahan pinjaman pada petani dengan tujuan untuk membiyai perbelanjaan pertanian atau menebus tanah yang telah tergadai.<sup>2</sup> Akan tetapi dalam tahun 1911 didapati sambutan dari petani adalah kurang. Sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menyiasat punca kelemahan dan juga sebab-sebab kegagalannya. Jawatankuasa itu berpendapat sebab utamanya ialah proses permohonan untuk mendapatkan pinjaman adalah lambat memakan masa dua hingga tiga bulan, tambahan pula pinjaman yang diberikan hanya 50% dari nilai cagaran dan kegunaan pinjaman dihadkan untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja.<sup>3</sup> Masalah

---

<sup>1</sup> Paul.H.Kratoska, The Chettiar and the Yeomen, British Cultural Categories and Rural Indebtedness in Malaya, Occasional Paper No.32, Institute of Southeast Asian Studies, 1975, h.15.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Tujuan pinjaman boleh dibahagikan kepada tiga iaitu tujuan pertanian, ternakan dan membayar hutang, membeli tanah atau membaiki tanah.

yang sedemikian tidak dihadapi oleh petani apabila mereka meminjam dari ceti, umpamanya tidak ada sekatan dikenakan yang pinjaman mestilah untuk tujuan tertentu sahaja dan proses untuk mendapatkan pinjaman adalah mudah dan cepat.

Apabila cara ini didapati kurang berkesan pihak kerajaan memperkenalkan satu cara yang agak berlainan iaitu melalui langkah undang-undang. Undang-undang yang dimaksudkan ialah undang-undang Tanah Simpanan Melayu tahun 1913. Cara ini juga didapati kurang berkesan kerana banyak kawasan yang terdiri dari orang-orang Melayu tidak termasuk dalam tanah simpanan dan kegiatan memberi pinjaman telah diambil alih oleh ejen Melayu.<sup>4</sup> Walaupun kemudiannya beberapa sekatan lagi diperkenalkan seperti The Usurious Land Enactment di mana tindakan mahkamah boleh diambil jika didapati bunga yang dikenakan terlalu tinggi, pihak kerajaan masih lagi gagal untuk menyekat kegiatan ceti dan mengatasi masalah beban hutang.<sup>5</sup> Oleh kerana

---

<sup>4</sup>Paul.H.Kratoska, op. cit., h. 17.

<sup>5</sup>Ibid. h. 19.



itulah pihak kerajaan beralih kepada satu cara yang lain iaitu dengan memperkenalkan pergerakan kerjasama di kalangan para petani.

Kajian ini telah dibahagikan kepada empat bab. Dalam bab pertama penulis memberi latarbelakang tentang aspek ekonomi, sosial dan politik orang-orang Melayu di Melaka di awal kurun kedua puluh. Walaupun bab ini kelihatan agak terpisah tetapi gambaran ini dirasakan perlu kerana dengan ini kita dapat memahami bagaimanakah corak masyarakat Melayu di awal kurun ini ketika syarikat kerjasama diperkenalkan. Dari aspek ekonomi terdapat perubahan dalam aktiviti pertanian orang-orang Melayu daripada bertanam padi kepada tanaman getah. Ini juga bermakna rangkaian sistem ekonomi tradisi yang berasaskan sara diri telah dipecahkan dengan pengenalan sistem tanaman wang. Di kalangan penanam padi pula terdapat berbagai masalah seperti banjir dan musuh-musuh padi. Taraf pendidikan di kalangan orang-orang Melayu adalah rendah dan terdapat sikap negatif terhadap pelajaran Inggeris. Dari segi politik kita dapati masyarakat Melayu pada waktu itu masih berada dalam keadaan berpecah belah. Jadi dalam suasana yang penuh cabaran inilah syarikat kerjasama diperkenalkan.

Bab kedua menyetuh tentang dasar Inggeris berhubung dengan pergerakan kerjasama. Apakah tujuan syarikat kerjasama diperkenalkan. Juga dibincangkan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengembangkan syarikat kerjasama.

Bab ketiga membicarakan tentang Sejarah Perkembangan SKKLB sebelum dan selepas perang. Perkembangan SKKLB sebelum perang agak lembab dan beberapa faktor yang menghalang perkembangan SKKLB dibincangkan. Di antaranya ialah soal bunga, kekurangan pemimpin, kesedaran yang rendah terhadap pergerakan kerjasama dan zaman meleset. Keadaan selepas perang memperlihatkan perkembangan yang menggalakkan lebih-lebih lagi setelah tertubuhnya Bank Persatuan. Peranan Bank Persatuan disentuh sepintas lalu sahaja. Syarikat Kerjasama Kampung Gadek dipilih untuk kajian kes kerana ia merupakan salah sebuah syarikat yang tertua dan terbesar di Melaka. Manakala Syarikat Kerjasama Kampung Masjid Tanah dipilih dari fail-fail SKKLB yang telah dibatalkan pendaftarannya. Tujuannya ialah untuk mengesan purca utama syarikat ini ditutup.

Dalam bab keempat beberapa aspek pemikiran di kalangan pegawai Inggeris dan penduduk tempatan

cuba dikesani. Ianya adalah berdasarkan ucapan dan ulasan yang diberikan oleh pegawai kerajaan dan komen pembaca akhbar tempatan. Secara umum terdapat perubahan pemikiran pegawai dan penduduk tempatan terhadap perkembangan syarikat kerjasama kepada satu tahap yang lebih matang. Kesan syarikat kerjasama terhadap orang Melayu diukur berdasarkan perangkaan pinjaman yang telah dikeluarkan dan juga sambutan penduduk terhadap pergerakan tersebut.